

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



中國銀行 马来西亚

BANK OF CHINA (MALAYSIA) BERHAD 200001008645(511251-V)

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (HPP) ini memberikan anda maklumat penting tentang perkhidmatan kewangan perniagaan anda dengan Bank of China (Malaysia) Berhad (BOCM). Pelanggan lain telah membaca HPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

① Apakah itu Surat Kredit (LC)?

LC ialah suatu dokumen/perakuan bertulis oleh bank pembeli untuk membayar penjual (Benefisiari) untuk barangan dan perkhidmatan setelah memenuhi terma dan syarat LC.

Faedah-faedah LC

- LC membenarkan anda untuk menggantikan bayaran pendahuluan sambil memastikan keyakinan kepada penjual anda.
- Anda mungkin mempunyai keupayaan tawar-menawar yang lebih baik kerana LC dapat mengurangkan risiko kutipan untuk penjual anda.
- Pembayaran dibuat kepada Benefisiari anda sebaik sahaja dokumen yang dikemukakan memenuhi terma dan syarat LC.
- Anda boleh menukar pembayaran LC kepada pembiayaan bank, tertakluk kepada terma dan syarat.

② Apakah Obligasi Anda?

- Anda berjanji untuk membayar BOCM semua jumlah yang dibayar oleh BOCM berserta faedah/komisen di bawah mana-mana LC yang dikeluarkan oleh BOCM.
- Anda mengesahkan bahawa semua penghantaran, individu dan transaksi mematuhi sekatan dan undang-undang yang berkenaan, termasuk yang berkaitan dengan pencegahan perubahan wang haram.
- Anda memberi kuasa kepada BOCM untuk mendebitkan mana-mana akaun anda untuk membayar apa-apa jumlah yang perlu dibayar oleh anda kepada BOCM.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami terma dan syarat permohonan LC sebelum anda menandatangani.



Membayar amaun penuh LC termasuk komisen atau caj yang berkenaan pada tarikh matang.

③ Kenali Risiko Anda

Apakah risiko utama?

1. LC tidak boleh ditarik balik apabila dikeluarkan, ia tidak boleh dipinda tanpa kebenaran Benefisiari.
2. Barangan mungkin akan tiba di pelabuhan lebih awal daripada dokumen dan boleh menyebabkan caj demurrage.
3. BOCM berurusan dengan dokumen sahaja dan tidak mempunyai obligasi untuk menjalankan pengesahan barang fizikal.

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan obligasi anda?

1. Anda akan membayar lebih disebabkan oleh penalti pada kadar seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran.
2. BOCM berhak menolak sebarang amaun tertunggak yang perlu dibayar di bawah produk ini dengan mana-mana akaun anda dikekalkan dengan BOCM.
3. BOCM berhak mengenakan sekatan daripada membuat permohonan lanjut sehingga semua LC tertunggak dibayar sepenuhnya.

④ Fi dan Caj

Jenis Perkhidmatan	Harga/ Fi/ Caj (RM)	Waktu pemprosesan (domestik & rentas sempadan)
Permohonan (Nota: Komisen pada LC yang dipaparkan adalah panduan umum dan tertakluk kepada caj mengikut budi bicara BOCM yang dianggap sesuai.)	0.1% sebulan (atau sebahagiannya) pada amaun LC. Minimum – RM50 - Untuk LC usance, komisen usance tambahan sebanyak 0.1% sebulan (atau sebahagian daripadanya) untuk tempoh usance.	<u>Permohonan/ Pindaan/ Pembatalan LC:</u> - Sebelum pukul 2 petang, proses pada hari yang sama. - Selepas pukul 2 petang, akan diproses pada hari bekerja berikutnya.
Pindaan a. Pindaan berkenaan dengan pertambahan amaun dan/atau lanjutan tarikh tamat tempoh LC b. Pindaan lain	0.1% sebulan (atau sebahagiannya) pada amaun LC. Minimum – RM50 - RM50 setiap transaksi.	
Pembatalan	RM100 setiap transaksi.	
Nota: - Caj Lain: Sila rujuk kepada surat tawaran yang berkaitan dan Caj Standard kami mengenai Operasi Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa di https://www.bankofchina.com.my/m/en-my/service/information/service-rates-and-tariffs/standard-charges-on-international-trade-services-operations.html untuk senarai penuh fi dan caj; - Fi dan caj di atas adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan; - Pemprosesan hari yang sama tertakluk kepada permohonan LC dan dokumen pembiayaan adalah lengkap; - Masa pemprosesan yang lebih lama akan digunakan untuk penghantaran pukal.		

⑤ Terma Utama Lain

Adalah penting untuk anda memaklumkan BOCM sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai LC kami, anda boleh:



Menghubungi Pusat
Panggilan Pelanggan:
+603-20595566



Mengunjungi Laman Web:
<https://www.bankofchina.com.my/en-my/segment/corporate-banking/trade-services/trade-settlement/letter-of-credit-issuance.html>



E-mel ke:
callcenter@my.bank-of-china.com

Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi AKPK di:



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Nombor Perhubungan: +603-2616 7766

E-mel: enquiry@akpk.org.my